

SULIT
21/1
SEJARAH
Percubaan PMR
Ogos 2012
1¼ jam

21/1

Nama :

Tingkatan :



JABATAN PELAJARAN KELANTAN
DENGAN KERJASAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN KELANTAN



PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH
2012

SEJARAH

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan **hitamkan** pilihan anda yang baru.*


Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak.

21/1 2012 MPSM

[Lihat sebelah
SEJ P_PMR 2012

SULIT

1 Rajah berikut berkaitan kaedah pengkajian sejarah.



Apakah X?

- A Lisan
- B Bertulis
- C Gali cari
- D Temuramah

2 Senarai berikut merujuk kepada lokasi petempatan masyarakat Zaman Paleolitik.

- Bukit Jawa, Perak
- Gua Niah, Sarawak
- Tingkayu, Sabah

Apakah aktiviti yang dijalankan di kawasan tersebut?

- A Menternak binatang
- B Memungut hasil hutan
- C Menghasilkan tembikar
- D Menjalankan perdagangan

3 Apakah kerajaan awal yang berkaitan dengan maklumat berikut?


- Terletak di Semenanjung Tanah Melayu
- Dikenali sebagai Kataha

- A Funan
- B Srivijaya
- C Majapahit
- D Kedah Tua

SULIT

21/1

4 Carta alir berikut merujuk kepada perkembangan Melaka.



Apakah faktor yang membawa kepada perubahan tersebut?

- A Tentera upahan
- B Kegiatan ekonomi
- C Bentuk muka bumi
- D Kewibawaan pemimpin

5 Senarai berikut merujuk kepada kurniaan Maharaja China kepada Parameswara.

- *Cap mohor*
- *Payung kuning*
- *Sepersalinan pakaian*

Apakah kesan pengurniaan tersebut terhadap Melaka?

- A Pemerintahan teratur
- B Keselamatan terjamin
- C Perpaduan antara rakyat
- D Perkembangan intelektual

6 Jadual berikut merujuk kepada jawatan dan peranan seorang pembesar Melaka.

Jawatan	Peranan
X	<ul style="list-style-type: none">• <i>Ketua hakim</i>• <i>Ketua turus angkatan tentera</i>

Apakah X?

- A Bendahara
- B Laksamana
- C Temenggung
- D Penghulu Bendahari


7 Apakah faktor yang membantu kejayaan Bendahara Tun Perak menghalang serangan Siam pada tahun 1456?

- A Kelengkapan senjata
- B Kemantapan strategi
- C Kerjasama askar upahan
- D Kekuatan kubu pertahanan

SULIT

21/1

- 8 Rajah berikut merujuk kepada tuntutan Alfonso de Albuquerque kepada Sultan Melaka.



Apakah X?

- A Membina gereja
B Membayar ganti rugi
C Menghapuskan cukai
D Memperkenalkan mata wang
- 9 Mengapakah pusat pentadbiran kerajaan Johor pada kurun ke-16 sering berpindah?
- A Menerima ancaman luar
B Mengawal aktiviti perdagangan
C Mengukuhkan kubu pertahanan
D Mengalami perubahan kepimpinan
- 10 Senarai berikut menunjukkan tugas Orang Laut dalam kerajaan Johor pada kurun ke 17.

- *Penunjuk arah*
- *Pendayung kapal kerajaan*
- **X**

Apakah X?

- A Pembuat kapal
B Panglima perang
C Pengawal pelabuhan
D Penyewa ruang perahu

SULIT

21/1

- 11 Senarai berikut merujuk kepada negeri yang diancam oleh Belanda pada kurun ke-17 dan ke-18.

- Perak
- Selangor

Mengapakah negeri tersebut diancam?

- A Kedudukan strategik
 - B Kekayaan bahan mentah
 - C Kawasan pertanian subur
 - D Ketidakstabilan politik
- 12 Apakah kepentingan cap mohor diraja kepada sesebuah kerajaan Melayu?
- A Memantapkan perpaduan rakyat
 - B Menunjukkan kedaulatan pemerintah
 - C Memajukan aktiviti perdagangan
 - D Menunjukkan tanda keberanian
- 13 Dialog berikut mungkin berlaku semasa upacara diraja.

Pembesar : Turunkan bendera kuning itu dan gantikan dengan bendera putih.

Pengawal : Baiklah Datuk.


Apakah upacara yang dimaksudkan dalam dialog tersebut?

- A Perkahwinan
- B Keputeraan
- C Kemangkatan
- D Pertabalan

SULIT

21/1

- 14 Rajah berikut merujuk kepada peranan tuai rumah dalam masyarakat Iban di Sarawak.



Apakah X?

- A Menguruskan kutipan cukai
 - B Mengumpul hasil pertanian
 - C Menetapkan tarikh pesta menuai
 - D Mengetuai upacara pengkebumian
- 15 Rakyat Sabah hidup dalam suasana aman walaupun terdiri daripada 30 kumpulan etnik yang berbeza budaya.

Apakah nilai yang diamalkan oleh etnik tersebut?

- A Bersyukur
 - B Berdisiplin
 - C Berhemah
 - D Bertoleransi
- 16 Mengapa Sultan Kedah menghubungi syarikat-syarikat berikut ?

- *Firma Jourdain Sullivan and de Souza*
- *Syarikat Hindia Timur Inggeris*

- A Menghapuskan ancaman lanun
- B Meningkatkan pelaburan luar
- C Mendapatkan bantuan tentera
- D Menjalinkan hubungan perdagangan

SULIT

21/1

17 Dialog berikut mungkin berkaitan dengan perjanjian Inggeris-Belanda 1824.

Pegawai British : Kita selesaikan masalah melalui rundingan.

Pegawai Belanda : Kerajaan kami setuju.

Apakah kesan perjanjian tersebut ?

- A Perpecahan kerajaan Johor
- B Belanda menguasai Tanah Melayu
- C Singapura mendapat kemerdekaan
- D British menguasai pelabuhan Betawi

18 Pada tahun 1826, British telah meletakkan Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka di bawah satu pentadbiran.

Mengapakah British berbuat demikian ?

- A Mengukuhkan pertahanan
- B Menjimatkan perbelanjaan
- C Mengawal kuasa residen
- D Menyeragam pembangunan

19 Senarai berikut merujuk kepada pemimpin tempatan yang pernah meminta bantuan British.

- Raja Abdullah
- Dato' Kelana Syed Abdul Rahman

Apakah kesan tindakan mereka ?

- A Menerima pengaruh barat
- B Menguasai pemerintahan
- C Memonopoli perdagangan
- D Menggubal perlembagaan

20 Apakah peristiwa yang menyebabkan Sultan Ahmad didesak menerima Residen British ?

- A Pembunuhan Go Hui
- B Serangan lanun di Kuala Langat.
- C Perbalahan pembesar tempatan
- D Perang antara kongsi gelap.

SULIT

21/1

21 Mengapakah Sultan Idris menyuarakan rasa tidak puas hati dalam Durbar Kedua yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1903?

- A Penguasaan ekonomi oleh British
- B Residen Jeneral terlalu berkuasa
- C Campur tangan dalam adat resam
- D Menanggung hutang yang tinggi


22 Petikan berikut merupakan surat Sultan Muhammad IV kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura.

“Maka pada fikiran beta adapun pada masa kiraan dahulu-dahulu dengan negeri Melayu itu kerajaan Inggeris tidak beroleh sekali masuk campur di dalam apa-apa perkara negeri Melayu ...

Baginda menghantar surat tersebut kerana

- A menggugat kedaulatan negeri
- B menyekat aktiviti perdagangan
- C menjejaskan adat tempatan
- D mengancam hubungan luar

23 Rajah berikut menunjukkan usaha Tunku Mahmud di Kedah.



Apakah X ?

- A Penggubalan perlembagaan
- B Penggunaan kalendar Hijrah
- C Pelantikan pegawai British
- D Pendidikan diwajibkan

24 Senarai berikut merupakan pemimpin yang berwibawa di negeri-negeri Melayu.

- Sultan Abu Bakar
- Sultan Zainal Abidin III


Apakah persamaan pemimpin tersebut ?

- A Melantik pegawai Barat
- B Memajukan sekolah Inggeris
- C Mengisytihar perlembagaan negeri
- D Memperkenalkan tanaman dagangan

SULIT

21/1

25 Garis masa berikut menunjukkan penguasaan James Brooke di Sarawak



Apakah kesan daripada penguasaan tersebut?

- A Penghapusan cukai
 - B Penubuhan Majlis Undangan
 - C Pemansuhan kuasa pembesar
 - D Penamatan pemerintahan Brunei
- 26 Senarai berikut adalah jawatan pemimpin tempatan dalam pentadbiran Brooke.

- Ketua Kampung
- Pegawai Anak Negeri
- Penolong Pegawai Daerah

Jawatan tersebut adalah anggota dalam

- A Majlis Negeri
 - B Majlis Tertinggi
 - C Majlis Bahagian
 - D Majlis Cawangan
- 27 Mahkamah berikut telah diwujudkan oleh Syarikat Borneo Utara British di Sabah.

Mahkamah Anak Negeri


Apakah tujuan penubuhannya?

- A Mengadili kes sivil
- B Membicarakan kes jenayah
- C Mengendalikan kes berkaitan adat
- D Menggubal undang-undang negeri

SULIT


21/1

28 Peta berikut menunjukkan pembahagian Sabah kepada beberapa daerah oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB).



Apakah tujuan pembahagian daerah tersebut?

- A Memajukan pertanian
 - B Mewujudkan keamanan
 - C Mengukuhkan perdagangan
 - D Memudahkan pentadbiran
- 29 Gambar berikut adalah "Skuad Terbang" yang ditubuhkan di Sabah pada tahun 1900.



Siapakah yang menganggotai pasukan tersebut?

- A Penduduk pribumi
- B Pegawai anak negeri
- C Sukarelawan asing
- D Pegawai polis tempatan

SULIT

30 Jadual berikut berkaitan perkembangan perlombongan bijih timah.

Tahun	Peristiwa
1934	Perjanjian Majlis Bijih Timah Antarabangsa

Apakah tujuan perjanjian tersebut ditandatangani?

- A Meneroka kawasan baru
- B Menambahkan pengeluaran
- C Meningkatkan cukai eksport
- D Menstabilkan harga pasaran

31 Jadual berikut menunjukkan pengasingan kaum di Tanah Melayu mengikut pekerjaan pada awal kurun ke-20.

Kaum	Kegiatan
Melayu	Pertanian
India	Perladangan
Cina	Perlombongan

Apakah kesan daripada keadaan tersebut?

- A Mengurangkan pelaburan tempatan
- B Mewujudkan jurang ekonomi
- C Menggalakkan kerjasama kaum
- D Mengukuhkan pendapatan rakyat

32 Ilustrasi berikut menunjukkan pengikut Dol Said menentang pasukan Kapten Wylie dalam Perang Naning pada tahun 1831.



Apakah faktor kejayaan Dol Said dalam perang tersebut?

- I Menggunakan senjata moden
- II Menerima bantuan pembesar
- III Menggunakan taktik perang gerila
- IV Mendapatkan bantuan kewangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SULIT

21/1

33 Jadual berikut merujuk kepada rundingan yang berlaku di Negeri Sembilan.

Tahun	Peristiwa
Mei 1876	Rundingan antara Yamtuan Antah dengan William Jervois, Gabenor Negeri-Negeri Selat

Apakah kesan rundingan tersebut kepada Yamtuan Antah?

- A Menerima bantuan ketenteraan
- B Mendapat hak mengutip cukai
- C Diberi pencen bulanan
- D Diiktiraf sebagai pemerintah


34 Jadual berikut menunjukkan novel yang dihasilkan sebelum Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu.

Pengarang	Nama Novel
Ishak Haji Muhammad	Anak Mat Lela Gila
Abdullah Sidek	Mari Kita Berjuang

Apakah tema yang menjadi pilihan penulis novel tersebut?

- A Kesedaran kebangsaan
- B Kepentingan pendidikan
- C Kemajuan ekonomi
- D Kesetiaan rakyat

35 Rajah berikut menunjukkan akhbar-akhbar terbitan Kaum Tua.




Mengapakah Kaum Tua menerbitkan akhbar tersebut?

- A Menentang idea Kaum Muda
- B Mengkritik pembesar tempatan
- C Menekankan pendidikan tempatan
- D Menghalau penjajah Barat

SULIT

21/1

36 Rajah berikut menunjukkan faktor yang menyumbang kepada kemenangan Jepun di Tanah Melayu.



Apakah X ?

- A Taktik serang hendap
- B Perancangan awal
- C Bilangan tentera ramai
- D Kerjasama kaum

37 Dialog berikut mungkin berlaku pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

<i>Li Hui</i>	:	<i>Kasihah Ah Chung, dia telah didera minum air sabun</i>
<i>Kim Meng</i>	:	<i>Itu mesti kerja polis tentera Jepun.</i>

Polis tentera Jepun yang dimaksudkan ialah

- A Force 136
- B Bintang Tiga
- C Kempetai
- D Koa Kunrenjo

38 Senarai berikut merujuk kepada negeri-negeri Melayu yang diserahkan oleh Jepun kepada Thailand semasa Perang Dunia Kedua.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• <i>Kelantan</i>• <i>Terengganu</i>• <i>Kedah</i>• <i>Perlis</i> |
|--|

Mengapakah Jepun bertindak demikian?

- A Mendapat kemudahan laluan tentera
- B Menghalang kehadiran tentera asing
- C Menerima bekalan senjata
- D Memperoleh maklumat sulit

SULIT

21/1

39 Jadual berikut berkaitan pentadbiran tentera British di Tanah Melayu

Pentadbiran Tentera British	
Tempoh	September 1945 – Mac 1946
Ketua	Sir Ralph Hone

Apakah kejayaan yang dicapai dalam tempoh tersebut ?

- I Menegakkan undang-undang
- II Mewujudkan keamanan
- III Menjimatkan perbelanjaan
- IV Memberi latihan kepimpinan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Jadual berikut merujuk kepada penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union

Tempat	Bilangan
Alor Star	50 000 orang
Kota Bharu	10 000 orang


Mengapakah mereka bertindak sedemikian?

- A Syarat kerakyatan diperketatkan
- B Tamadun orang Melayu diancam
- C Majlis Raja-raja Melayu dibubarkan
- D Sistem pentadbiran negara disatukan

SULIT

21/1

41 Rajah berikut menunjukkan perjuangan UMNO.



Apakah X?

- A Membanteras komunis
- B Menyekat kemasukan imigran
- C Memajukan pendidikan
- D Mengekalkan sikap kenegerian

42 Jadual berikut menunjukkan perubahan pucuk pimpinan British di Tanah Melayu.

1946	1948
Gabenor	Pesuruhjaya Tinggi

Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- A Pengenalan Sistem Ahli
- B Pentadbiran Tentera British
- C Perisytiharan Malayan Union
- D Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

43 Mengapakah British mengambil tindakan berikut?

- *Mengharamkan parti radikal*
- *Menubuhkan Home Guard*

- A Menghapuskan ancaman komunis
- B Mengatasi masalah perkauman
- C Mengawal kemasukan imigran
- D Meredakan kemarahan penduduk

SULIT

21/1

- 44 Pernyataan berikut berkaitan Sistem Pendaftaran Kebangsaan pada tahun 1950-an.

Setiap penduduk berumur 12 tahun atau lebih mesti didaftarkan dan diberi kad pengenalan

Mengapakah tindakan tersebut diambil?

- A Membasmi ancaman komunis
 - B Melicinkan proses pilihan raya
 - C Memudahkan bancian penduduk
 - D Mengenal pasti golongan imigran
- 45 Konsep berikut diperkenalkan oleh British pada tahun 1950-an dalam

- *Kawasan Hitam*
- *Kawasan Putih*

- A Rancangan Briggs
 - B Kampung Baru
 - C Perang Saraf
 - D Gerakan Kelaparan
- 46 Jadual berikut merujuk rundingan antara pihak kerajaan dengan Parti Komunis Malaya (PKM).

Tarikh	Peristiwa
28 dan 29 Disember 1955	Pertemuan Baling

Apakah syarat yang dikemukakan oleh pihak kerajaan dalam rundingan tersebut?

- A Kewarganegaraan ahli dilucutkan
 - B Kubu pertahanan dimusnahkan
 - C Hasil rampasan dikembalikan
 - D Gencatan senjata diisytiharkan
- 47 Mengapakah perpaduan kaum sebelum merdeka penting kepada pihak British?
- A Melambatkan kemerdekaan
 - B Mengukuhkan ekonomi
 - C Memupuk kerjasama
 - D Mengekalkan keharmonian

SULIT

21/1


48 Senarai berikut merupakan tokoh yang memainkan peranan penting kepada sejarah negara.

- Dato' Onn Ja'afar
- Tun Tan Cheng Lock
- Dato' E.E. C. Thuraisingam

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Menyertai Rombongan Merdeka
- C Menganggotai Suruhanjaya Reid
- D Menyeragamkan sistem pendidikan

49 Rajah berikut merupakan hasil kompromi Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) dan UMNO.



X ialah

- A Mengadakan pilihan raya
- B Melaksanakan konvensi nasional
- C Mencetuskan idea konferensi
- D Memupuk persefahaman kaum

50 Maklumat berikut berkaitan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

Parti Perikatan telah berjaya memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan

Apakah nilai yang boleh diambil dalam peristiwa tersebut ?

- A Bersifat amanah
- B Berhemah
- C Bertolak ansur
- D Berdikari

SULIT

21/1

51 Mengapakah Suruhanjaya Reid dibentuk pada tahun 1956?

- A Memberi latihan kepimpinan
- B Memupuk kerjasama kaum
- C Menyusun perlembagaan baru
- D Merundingkan tarikh kemerdekaan

52 Peristiwa berikut merupakan sejarah yang penting bagi negara kita.

Pada tarikh 30 Ogos 1957 bendera Union Jack diturunkan dan digantikan dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu


Apakah ikhtibar yang boleh dipelajari oleh generasi muda pada hari ini?

- A Berdisiplin menjalankan tugas
- B Berusaha meningkatkan kebolehan
- C Berbangga dengan warisan negara
- D Berhati-hati terhadap kuasa asing

53 Mengapakah perlembagaan 1941 di Sarawak tidak dapat dilaksanakan?

- A Penentangan penduduk tempatan
- B Kelemahan pentadbiran Brooke
- C Kemelesetan ekonomi dunia
- D Pendudukan tentera Jepun

54 Rajah berikut berkaitan sebab Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British



Apakah X?

- A Kepentingan peribadi
- B Masalah kewangan
- C Jaminan keselamatan
- D Mengekalkan perpaduan

SULIT

21/1

55 Maklumat berikut berkaitan dasar British di Sarawak.

Pekeliling No. 9

Mengapakah notis tersebut menimbulkan kemarahan rakyat Sarawak?

- A Amaran kepada kakitangan kerajaan
- B Hak istimewa mereka tergugat
- C Larangan terhadap perniagaan
- D Kawalan ketat terhadap parti politik

56 Senarai berikut berkaitan parti politik yang terdapat di Sabah .

- *Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu*
- *Pasok Momogun*
- *Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu*
- *Persatuan Cina Sabah*

Mengapakah parti tersebut bergabung dalam Perikatan Sabah?

- A Memperjuangkan kemerdekaan
- B Mengekalkan keistimewaan bumiputera
- C Mewujudkan perpaduan kaum
- D Menghadapi pilihan raya

57 Pada Ogos 1962 Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) telah dibentuk. Apakah kesan pembentukan jawatankuasa tersebut terhadap penduduk Sabah, Sarawak dan Brunei?

- A Keselamatan terjamin
- B Pentadbiran dikuasai
- C Sumber asli dimonopoli
- D Hak terpelihara

58 Pernyataan berikut berkaitan reaksi negara Brunei terhadap idea gagasan penubuhan Malaysia.

Pada peringkat awal, Sultan Omar Ali Saifuddin menyokong dan ingin menyertai Malaysia, tetapi kemudiannya baginda menarik diri.

Mengapakah baginda membatalkan sokongan tersebut?

- A Desakan kuasa barat
- B Isu berkaitan hasil minyak
- C Ancaman pengaruh komunis
- D Membentuk kerajaan Kalimantan Utara

SULIT

21/1


59 Senarai berikut merujuk kepada pemimpin Malaysia dan Indonesia.

- Tun Abdul Razak
- Adam Malik

Apakah peranan tokoh tersebut dalam mewujudkan keamanan di Asia Tenggara?

- A Menyatupadukan pelbagai kaum
- B Memperkukuh kerjasama ekonomi
- C Mewujudkan kerjasama ketenteraan
- D Memulihkan hubungan serantau

60 Rajah berikut merujuk peristiwa pemisahan Singapura dalam Malaysia



Apakah X?

- A Ancaman komunis
- B Desakan kuasa asing
- C Rusuhan kaum
- D Perebutan ketua kerajaan

KERTAS SOALAN TAMAT